

# 10 FAKTA



## Yang Akan Membuatkan Anda Memikirkan Semula Pilihan Raya Kita

### 3 Pilihan raya yang mesra pengundi?



Tiada pendaftaran pemilih secara automatik, pada hari pilihan raya, dan dalam talian

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Di Malaysia, tiada pendaftaran pemilih secara automatik, pada hari pilihan raya, dan dalam talian. Tidak ada pengundian awal, mel dan tidak hadir kecuali untuk pasukan bersenjata, polis, pegawai pilihan raya, dll. Di negara-negara seperti Belgium dan Jerman, rakyat yang mencecah 18 tahun pada hari pilihan raya berdaftar sebagai pemilih secara automatik. Di negara-negara mesra pengundi seperti Sweden, Denmark dan Iceland, bilangan rakyat yang keluar mengundi melebihi 80% daripada jumlah rakyat yang layak mengundi, berbanding 62.95% semasa PRU13 di Malaysia.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Dalam negara demokrasi, pendaftaran pemilih dan pengundian harus dibuat dengan mudah, tersedia dan senang diakses untuk semua orang yang layak.

### 6 Wahai pengundi belia, di manakah kamu?

3.8 juta pengundi tidak berdaftar tetapi layak mengundi di Malaysia



Dua pertiga berumur di antara 21 hingga 30 tahun

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Daripada 3.8 juta pengundi tidak berdaftar tetapi layak mengundi di Malaysia, dua pertiga berumur di antara 21 hingga 30 tahun, menjadikan golongan belia sebagai kumpulan terbesar bukan pengundi di Malaysia.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Mengentengahkan isu yang mempengaruhi belia dalam agenda politik negara memerlukan penyertaan dan perwakilan belia dalam proses demokrasi negara. Demokrasi dipulihkan semula dan diberi nafas baru apabila generasi muda terus melibatkan diri dan diwakili dalam proses penting ini.

### 9 Terlalu istimewa untuk tidak mengundi?



1918 Hak wanita untuk mengundi di United Kingdom

1965 Hak kaum minoriti untuk mengundi di Amerika Syarikat

2015 Hak wanita untuk mengundi di Arab Saudi

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Pada mulanya, hanya lelaki kulit putih yang mempunyai harta berhak untuk mengundi di demokrasi barat. Pada tahun 1918, wanita diberi hak untuk mengundi di United Kingdom. Pada tahun 1965, Akta Hak Mengundi melarang diskriminasi terhadap kaum minoriti untuk mengundi di Amerika Syarikat. Wanita di Arab Saudi hanya diberi hak untuk mengundi sejak tahun 2015.

Di Pakistan, jumlah pengundi wanita adalah 19.5% lebih rendah daripada jumlah pengundi lelaki. Ini kerana ramai wanita menghadapi gangguan, hukuman, dan keganasan apabila mereka ingin melaksanakan hak untuk mengundi. Dalam pilihan raya kecil parlimen Pakistan pada 2015, tiada seorang pun daripada 50,000 pengundi wanita yang layak di kawasan tersebut pergi mengundi selepas masjid-masjid menyiarkan amaran keras melarang wanita mengundi dan para lelaki memegang baten menyekat akses wanita ke stesen mengundi.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Mengundi bukan sahaja hak tetapi juga keistimewaan di negara-negara tertentu. Di negara-negara seperti Afghanistan dan Pakistan misalnya, hak mengundi merupakan satu perjuangan. Mengundi harus dilihat sebagai kewajipan sivik dan bukan sesuatu yang patut diambil secara lewa.

### 1 Kerajaan yang dipilih oleh rakyat?

☑ Undi popular PRU13

50.87% Pakatan Rakyat 47.38% Barisan Nasional

40% Pakatan Rakyat 60% Barisan Nasional

Kerusi Parlimen Malaysia Ketiga belas

**MENANG**

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Dalam PRU13, Pakatan Rakyat menerima 50.87% undi popular tetapi hanya mendapat 40% daripada kerusi Parlimen manakala Barisan Nasional menerima 47.38% undi popular tetapi mendapat 60% kerusi Parlimen. Siapa yang menang?

#### APAKAH MAKSUD INI?

Di bawah sistem pilihan raya yang tidak adil dan berat sebelah terhadap satu parti tertentu, memenangi undi rakyat tidak menjamin kemenangan majoriti kerusi di parlimen.

### 4 Media - pemantau pihak berkuasa atau budak suruhan?



80.4% liputan media yang positif untuk kerajaan dalam PRU13



67.8% liputan media yang negatif untuk gabungan parti pembangkang dalam PRU13

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Dalam PRU13, 80.4% liputan media yang positif adalah untuk kerajaan manakala 67.8% liputan yang negatif adalah untuk gabungan parti pembangkang. Rakyat Malaysia dinafikan perdebatan yang terbuka, jujur dan tidak berpihak, mengenai polisi dan manifesto pilihan raya pada media arus perdana, tradisional dan cetak. Mesej berat sebelah yang disampaikan kepada rakyat Malaysia merompak mereka dari menimba pengetahuan mengenai isu-isu, mempertimbangkan perspektif yang berbeza dan menjadi pengundi yang bijak.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Media massa memainkan peranan penting dalam memaklumkan rakyat mengenai isu-isu yang penting. Mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk membentangkan isu-isu ini secara telus, tidak berpihak dan jujur. Kewartawanan yang gagal memantau pihak berkuasa malah bertindak sebagai corong pembesar suara pihak berkuasa adalah satu penghinaan yang besar terhadap demokrasi.

### 7 Tidak cukup dewasa untuk mengundi?



1.5 juta rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 20 dinafikan hak untuk mengundi

#### ADAKAH KAMU TAHU?

1.5 juta rakyat Malaysia yang berumur antara 18 hingga 20 dinafikan hak untuk mengundi walaupun mereka boleh berkahwin, membesarkan keluarga, memandu, menandatangani kontrak, berkhidmat sebagai tentera dan membayar cukai. Malaysia kekal sebagai salah satu daripada sembilan negara di dunia (Oman, Samoa, Tokelau, Tonga, Singapura, Kuwait, Jersey, Cameroon dan Malaysia) dengan usia mengundi pada umur 21 tahun. Hampir semua negara lain mempunyai usia mengundi pada umur 18 tahun.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Hak mengundi sangat penting dalam demokrasi. Belia yang berada dalam lingkungan umur 18-20 tahun sudah layak untuk memikul pelbagai jenis tanggungjawab namun masih belum diberikan hak untuk memilih kerajaan yang akan menjaga kebajikan mereka. Mengurangkan umur pemilih kepada 18 tahun membantu meningkatkan penyertaan dan perwakilan belia di dalam pilihan raya dalam jangka masa yang panjang.

### 10 Pengundi muda = penentu nasib?



Jumlah pengundi muda pada pilihan raya umum United Kingdom

72% 2017 43% 2015

Jumlah pengundi muda pada pilihan raya negeri Virginia, Amerika Syarikat

34% 2017 17% 2009

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Di pilihan raya umum United Kingdom pada 2017, jumlah pengundi muda (18-24 tahun) adalah di antara 66.4% dan 72%, berbanding 43% pada tahun 2015. Undian mereka menafikan parti konservatif (yang sangat popular pada masa itu) majoriti di parlimen. Pada pilihan raya negeri di Amerika Syarikat pada 2017, jumlah pengundi muda (18-29 tahun) yang keluar mengundi di Virginia adalah 34%, dua kali ganda berbanding pilihan raya yang sama pada 2009 (17%), memberikan Demokrat kemenangan terbesar mereka di pejabat-pejabat dan perundangan negeri dalam beberapa dekad.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Apabila para belia hadir untuk mengundi parti dan calon yang mengambil berat tentang minat dan kebimbangan mereka, ia memberi perbezaan yang ketara. Pengundi muda mempunyai kuasa untuk menentukan kemenangan.


### 2 Satu orang = satu undi?



Putrajaya 15,791 pengundi



satu kerusi di parlimen



Kapar 144,159 pengundi



satu kerusi di parlimen

#### ADAKAH KAMU TAHU?


Parlimen terkecil - Putrajaya (15,791 pengundi) - satu kerusi di parlimen. Parlimen terbesar - Kapar (144,159 pengundi) - satu kerusi di parlimen.

#### APAKAH MAKSUD INI?

1 undi di Putrajaya bersamaan dengan 9.13 undi di Kapar. Ini bermakna berat perwakilan di Putrajaya lebih 9 kali berbanding Kapar.

Berat perwakilan yang berlebihan selalunya terletak di kawasan kecil dan luar bandar.

### 5 Setengah rakyat Malaysia dilupakan?



#### ADAKAH KAMU TAHU?

Sehingga 2017, dianggarkan 48.4% daripada penduduk Malaysia adalah wanita tetapi hanya 10.8% ahli parlimen (24 daripada 222 ahli parlimen) adalah wanita. Peraturan menteri kabinet wanita adalah lebih rendah pada 8.6%. Hanya 9.7% calon dalam PRU13 adalah wanita.

Negara-negara seperti Sweden, Finland, Iceland dan Norway secara konsisten mempunyai lebih daripada 40% ahli parlimen wanita, dengan Iceland berada di kedudukan #1 untuk sembilan tahun berturut-turut dalam Indeks Jurang Jantina (Gender Gap Index) oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum). Negara-negara seperti Kanada, Sweden dan Perancis mempunyai anggota kabinet yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 50% wanita.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Penyertaan wanita dalam politik adalah sama pentingnya dengan bentuk-bentuk penyertaan yang lain. Kesaksamaan jantina bermaksud wanita mendapat perwakilan yang saksama dalam semua aspek kemasyarakatan, termasuk proses membuat keputusan di semua peringkat. Seperti yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian, wanita dalam politik lebih berkemungkinan untuk menangani isu sosial dan kebajikan seperti pencen, kesihatan, keluarga, penjagaan kanak-kanak dan kemiskinan berbanding lelaki.

### 8 Negara muda, idea lama?

Penduduk Gen Y & Gen Z Malaysia 38.7%



9% Ahli parlimen yang berumur di bawah 40 tahun

0% Ahli parlimen yang berumur di bawah 30 tahun

#### ADAKAH KAMU TAHU?

Pada bulan Ogos 2015, Gen Y dan Gen Z merupakan penduduk Malaysia yang terbesar pada 11.9 juta (38.7%) tetapi hanya 9% daripada ahli parlimen kita yang berumur di bawah 40 tahun. Kita langsung tiada ahli parlimen di bawah 30 tahun.

#### APAKAH MAKSUD INI?

Demokrasi berteraskan perwakilan memerlukan suara muda terutama di negara-negara yang mempunyai populasi belia yang besar seperti Malaysia. Penyertaan belia dalam proses perundangan membawa darah baru dan perspektif segar kepada pembangunan negara. Sistem inklusif yang menggalakkan penyertaan belia dalam politik sangat penting untuk kemajuan yang berterusan di negara kita.

UndiMsia! adalah program pendidikan sivik yang pertama seumpamanya di Malaysia, yang bertujuan untuk mengukuhkan pemilikan, penyertaan dan perwakilan belia dalam hak untuk mengundi dan tanggungjawab sivik mereka. Matlamatnya ialah supaya belia dapat membangunkan pemikiran kritis dan menyelesaikan isu-isu yang mempengaruhi mereka dalam bentuk aktivisme yang berkesan.

Projek di bawah UndiMsia! direka berdasarkan empat tuggak; maklumat, proses, tindakan dan platform untuk gabungan masyarakat sivil. Infografik ini merujuk kepada tuggak maklumat.



<https://www.facebook.com/UndiMsia/>